

3 copy  
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97

April 1997

ZAT 383/3 - Instrumentasi I

Masa: [3 jam]

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.


Jawab kesemua LIMA soalan. Kesemuanya wajib dijawab dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) (i) Sebutkan objektif-objektif bagi suatu sistem instrumentasi.  
(ii) Pilihkan satu sistem instrumentasi dan huraikan komponen-komponen dalam sistem ini.


(30/100)

- (b) (i) Huraikan kepentingan transduser-transduser dalam sistem instrumentasi. Terangkan secara ringkas prinsip-prinsip asas bagi suatu transduser.  
(ii) Tuliskan nota-nota ringkas tentang transduser-transduser yang berikut:  
transduser sesaran, transduser terikan, termogandingan, transduser optik.

(40/100)



- (c) Satu transduser tekanan (lihat gambarajah diatas mempunyai faktor kepekaan  $F = 238 \mu\text{V/V/cm Hg}$  tekanan.
- Bagi suatu pengujian 8.0 V, apakah voltan output  $e_o$  per 1 cm Hg tekanan?
  - Jika dikehendaki 3.5 mV voltan output  $e_o$  per 1 cm Hg tekanan, apakah voltan pengujian  $E$ ?
- (30/100)
2. (a) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan suatu pengesan suhu termogandingan? Terangkan dengan ringkas prinsip-prinsip termogandingan (dengan menyatakan kepekaan, sambutan masa, pembinaan dan mensyarat isyarat).
- (ii) Suatu termistor digunakan pada suhu  $T = 310 \text{ K}$ . Nilai  $\beta$  bagi termistor ini ialah  $5,500 \text{ K}$ . Tentukan kepekaan  $S$  bagi termistor ini dan bandingkan kepekaan ini dengan kepekaan RTD platinum.
- (30/100)
- (b) (i) Takrifkan nisbah isyarat-hinggar, s/n.
- (ii) Takrifkan faktor hinggar yang disebutkan dalam unit desibel (dB).
- (iii) Tuliskan perhubungan antara lebar jalur hinggar  $\Delta B$  dan fungsi perpindahan  $H(f)$ . Jelaskan kepentingan hasil ini dalam kajian hinggar di dalam satu sistem instrumentasi.
- (30/100)
- (c)



SB - Suap-balik  
 F - Turas  
 E - Pengujian  
 PSD - Pengesan peka fasa

Gambarajah di atas menunjukkan suatu sistem pengukuran hinggar yang menggunakan pengesan peka fasa (PSD).

- Jelaskan bagaimana sistem ini boleh mengesan dan memulihkan suatu isyarat lemah yang terbenam di dalam hinggar yang besar.
- Berikan dua contoh sistem instrumentasi di mana sistem pengukuran hinggar di atas boleh digunakan.

(40/100)


...3/-

3. (a) Tuliskan nota-nota ringkas tentang:

- (i) Suap-balik dalam instrumen
- (ii) Plot Nyquist
- (iii) Plot Bode

(30/100)

(b)



JS - Jisim seismik  
MCA - Aktuator gegelung bergerak

Gambarajah di atas menunjukkan suatu meter pecutan seismik-jisim. Jelaskan bagaimana prinsip suap-balik membolehkan kita menggunakan meter di atas.

(30/100)

- (c) (i) Terangkan dengan merujuk kepada suatu gambarajah blok suatu gelung kawalan proses yang digunakan dalam industri
- (ii) Huraikan secara ringkas kriteria-kriteria yang digunakan untuk menilai sambutan dinamik bagi gelung kawalan proses yang disebutkan dalam bahagian (c)(i).

(40/100)

4. (a) Tuliskan nota-nota ringkas tentang:

- (i) Kuantiti-kuantiti kebolehharapan instrumen
- (ii) Model Weibull

(30/100)

- (b) Huraikan dua kaedah yang boleh digunakan untuk meramalkan kebolehharapan peralatan. Berikan juga kebaikan dan kelemahan kedua-dua kaedah ini.

(40/100)

...4/-

(c) Tuliskan nota-nota ringkas tentang:

- (i) Kegunaan vakum dalam industri
- (ii) Pam putaran dan tolok Pirani

(30/100)

5. (a) Katakan anda diberikan satu rod kuprum yang sudah patah. Pilihkan satu jenis mikroskop optik untuk mengkaji kawasan rod yang patah dan jelaskan mengapa anda memilih jenis mikroskop ini.

(30/100)

(b) (i) Lukiskan dan labelkan satu gambarajah skimatik mikroskop interferens dan berikan kegunaan mikroskop ini.

(ii) Lukiskan dan labelkan satu gambarajah skimatik mikroskop pengkutuban dan berikan kegunaan mikroskop ini.

(30/100)

(c) Lukiskan dan labelkan satu gambarajah skimatik bagi mikroskop pengimbasan elektron (SEM). Jelaskan juga fungsi bagi setiap komponen dalam mikroskop ini.

(40/100)

- oooOooo -